

BAB KEEMPAT

KONSEP PENYEDIAAN MODUL ASAS BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4.0 PENDAHULUAN

Sebelum ini pengkaji telah menjelaskan teori-teori umum tentang penyediaan modul atau buku asas bahasa Arab dalam bab kedua dan mengemukakan maklum balas pelajar terhadap kehendak dan keperluan mempelajari bahasa Arab melalui modul atau buku yang sesuai dengan tahap kemampuan dan penguasaan mereka dalam bahasa Arab yang telah dijelaskan dalam bab ketiga. Dalam bab keempat ini, pengkaji akan membincangkan secara khusus pendekatan-pendekatan asas yang telah menjadi dasar dalam penyediaan “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah” (MABAUPUMS). (Sila rujuk “MABAUPUMS” di lampiran B)

Modul ini dicipta khusus untuk pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah yang mempelajari bahasa Arab secara elektif yang ditawarkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Mereka terdiri daripada pelbagai etnik dan agama serta dari jurusan yang berlainan. Kebanyakan mereka lemah dalam penguasaan bahasa Arab, malah ada dalam kalangan mereka yang langsung tidak mengenali bahasa Arab sebelum ini khususnya bagi mereka yang bukan beragama Islam. Oleh yang demikian, modul ini dicipta khusus bermula dari awal pembelajaran bahasa Arab iaitu mengenal huruf Arab, menulis dan

menyebut.

Modul yang disediakan oleh pengkaji ini mempunyai keistimewaan tersendiri jika dibandingkan dengan modul-modul yang terdapat di IPTA di Malaysia. Pertamanya modul ini dicipta khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan agama. Seterusnya pada tiga unit pertama dalam modul ini dikhususkan untuk pengenalan huruf tunggal dan bersambung, kaedah penulisan serta sistem baris dan sebutan. Selepas itu, barulah diperkenalkan kosa kata Arab, asas sintaksis, maklumat pelbagai, kata-kata hikmah dan perumpamaan serta kemahiran-kemahiran bahasa yang terkandung dalam latihan-latihan. Pengkaji juga menyediakan glosari di akhir modul sebagai rujukan pelajar.

Pengkaji menggunakan dua pendekatan dalam modul ini, iaitu menggunakan terjemahan dalam bahasa Melayu dan menggunakan kaedah transliterasi. Setiap teks bacaan, asas sintaksis, maklumat pelbagai dan kata-kata hikmah dan perumpamaan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan begitu juga dengan soalan-soalan latihan. Adapun transliterasi digunakan dalam sebutan huruf, perkataan, bacaan ayat dan teks pelajaran, asas sintaksis serta maklumat pelbagai. Penggunaan kedua-dua pendekatan ini adalah untuk membantu pelajar mempelajari asas bahasa Arab dengan lebih mudah dan lebih berkesan. Perkara ini akan dijelaskan dengan terperinci dalam kandungan modul pengkaji.

Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu objektif modul, kandungan modul, cadangan teknik pengajaran dan penilaian.

4.1 OBJEKTIF MODUL

Objektif-objektif yang digariskan oleh pengkaji dalam “MABAUPUMS” ialah seperti berikut:

1. Mengenal pasti modul pembelajaran bahasa Arab peringkat asas yang lebih mudah dan berkesan.
2. Membantu pelajar agar lebih berpeluang menguasai kemahiran asas bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
3. Menambah bahan pembelajaran asas bahasa Arab dan penilaiannya untuk dimanfaatkan oleh semua peringkat umur dan jurusan.

4.2 KANDUNGAN MODUL

“MABAUPUMS” yang disediakan oleh pengkaji adalah modul rintis, di mana ia terdiri daripada 12 unit. Modul ini mengandungi pengenalan kepada huruf Arab, kosa kata, asas sintaksis, maklumat pelbagai, kata-kata hikmah dan latihan. Berikut disenaraikan kandungan modul secara terperinci.

4.2.1 Pengenalan Kepada Huruf Arab

Perkara utama yang harus diperkenalkan pada peringkat awal kepada pelajar-pelajar ialah mengenal huruf Arab tunggal dan bersambung, kaedah penulisan serta sistem baris dan sebutan. Selepas itu, barulah diperkenalkan kosa kata Arab, asas sintaksis Arab, dan kemahiran-kemahiran bahasa yang terkandung dalam latihan yang disediakan. Berikut

disenaraikan pengenalan kepada huruf Arab.

Jadual 4.1
Pengenalan Kepada Huruf Arab

| المحتوى Kandungan : | | الرقم Bil. |
|--|--|---------------|
| Mengenali huruf Arab dan sebutannya. | مَعْرِفَةُ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ وَأصْوَاتِهَا | 1 |
| Kaedah penulisan huruf Arab. | طَرِيقَةُ كِتَابَةِ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ | 2 |
| Kaedah penulisan huruf Arab bersambung di awal kalimat, tengah dan di akhirnya | طَرِيقَةُ كِتَابَةِ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ المُتَّصِلَةِ فِي أَوَّلِ الكَلِمَةِ وَوَسْطِهَا وَأَخْرَهَا | 3 |
| Contoh-contoh huruf Arab bersambung di awal kalimat, tengah dan di akhirnya | نَمَازِجُ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ المُتَّصِلَةِ فِي أَوَّلِ الكَلِمَةِ وَوَسْطِهَا وَأَخْرَهَا | 4 |
| Kaedah penulisan huruf Arab tunggal dan bersambung | طَرِيقَةُ كِتَابَةِ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ المُنْفَصِلَةِ وَالمُتَّصِلَةِ | 5 |
| Baris-baris huruf Arab. | حَرَكَاتُ الحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ | 6 |
| Huruf mad. | حُرُوفُ المَدِّ | 7 |
| Huruf-huruf Arab dan sebutannya. | الحُرُوفُ العَرَبِيَّةُ وَأصْوَاتُهَا | 8 |
| Baris-baris lain bagi huruf Arab | حَرَكَاتُ أُخْرَى لِلحُرُوفِ العَرَبِيَّةِ | 9 |

4.2.2 Tajuk-Tajuk Kosa Kata

Terdapat sembilan tajuk kosa kata yang dimuatkan dalam modul rintis ini. Ia terdiri daripada lapan teks perbualan dan satu teks *muṭāla‘ah*. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian dengan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab dan penggunaan kaedah komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran serta berkaitan dengan persekitaran pembelajaran. Berikut disenaraikan tajuk kosa kata yang terdapat dalam

modul ini.

Jadual 4.2
Tajuk-Tajuk Kosa Kata

| المحتوى Kandungannya : | | الرقم Bil. |
|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------|
| Berkenalan | التَّعَارُفُ | 1 |
| Ahmad dan teman-temannya | أَحْمَدُ وَأَصْدِقَاؤُهُ | 2 |
| Antara ustaz dan pelajar | بَيْنَ أَسْتَاذٍ وَطَالِبٍ | 3 |
| Rumah awak | مَنْزِلُكَ | 4 |
| Marilah kita belajar ucap selamat | هَيَّا نَتَعَلَّمُ التَّحِيَّاتِ | 5 |
| Husna dan kawan-kawannya | حُسْنَى وَزَمِيلَاتُهَا | 6 |
| Jam | السَّاعَةُ | 7 |
| Keluarga saya | أُسْرَتِي | 8 |
| Di Universiti Malaysia Sabah | فِي جَامِعَةِ مَالِيْزِيَا سَابَه | 9 |

Semua teks bacaan disertakan dengan transliterasi dalam sebutan rumi mengikut kaedah sebutan berdasarkan Gaya Dewan 2005. (Rujuk Gaya Dewan Edisi Ketiga 2005: 144). Penggunaan transliterasi ini bertujuan membantu pelajar-pelajar khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab seperti pelajar-pelajar bukan Islam, supaya dapat membantu mereka dalam kemahiran menulis dan membaca teks Arab. Menurut ‘Abd al-‘Azīz Barham (1982:51) adalah diharuskan menggunakan huruf latin untuk membantu dalam penulisan khususnya pada peringkat awal. Kemudian secara beransur-ansur penggunaan huruf Arab akan menguasai pembelajaran selepas pelajar mahir dalam penulisan Arab. Di samping penggunaan transliterasi, setiap perkataan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya menjadi kamus yang dapat

memudahkan pelajar memahami teks yang dipelajari serta dapat mengelakkan penggunaan kaedah terjemahan sepenuhnya dalam pengajaran.

4.2.3 Tajuk-Tajuk Sintaksis

Hanya terdapat tujuh tajuk sintaksis sahaja dipilih untuk dimasukkan dalam modul rintis ini. Pemilihan ini berdasarkan kesesuaian sintaksis yang perlu dipelajari oleh pelajar pada peringkat awal serta selari dengan teks bacaan yang dipelajari. Ia juga tidak bertentangan dengan kaedah komunikasi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran modul ini, kerana pelajar seharusnya memahami kaedah tersebut sebelum menggunakannya dalam ayat. Berikut disenaraikan tajuk-tajuk sintaksis tersebut.

Jadual 4.3
Tajuk-Tajuk Sintaksis

| المحتوى Kandungannya : | | الرقم Bil. |
|---|---|------------|
| Ganti Nama Berpisah untuk diri pertama dan kedua. | الضَّمَائِرُ الْمُنْفَصِلَةُ لِلْمُتَكَلِّمِ وَالْمُخَاطَبِ | 1 |
| Ganti Nama Berpisah untuk diri ketiga. | الضَّمَائِرُ الْمُنْفَصِلَةُ لِلْغَائِبِ | 2 |
| Kata Nama Penunjuk. | أَسْمَاءُ الْإِشَارَةِ | 3 |
| Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri pertama dan kedua. | الضَّمَائِرُ الْمُنْصِلَةُ لِلْمُتَكَلِّمِ وَالْمُخَاطَبِ | 4 |
| Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri ketiga. | الضَّمَائِرُ الْمُنْصِلَةُ لِلْغَائِبِ | 5 |
| Maskulin dan Feminin. | الْمَذَكَّرُ وَالْمُؤَنَّثُ | 6 |
| Kata Tanya. | أَسْمَاءُ الْإِسْتِفْهَامِ | 7 |

Setiap sintaksis diterangkan secara ringkas dalam bahasa Melayu serta diberikan contoh-contoh yang mudah bagi menjelaskan penggunaan sintaksis tersebut. Ia dapat

memudahkan pelajar-pelajar memahami sintaksis yang dipelajari dan menggunakannya dalam latihan-latihan yang diberikan bagi membantu mereka mempelajari bahasa Arab.

4.2.4 Tajuk-Tajuk Maklumat Pelbagai

Bagi mempelbagaikan bahan pengajaran, pelajar juga diperkenalkan dengan maklumat pelbagai dalam kuantiti sedikit yang dapat memberi manfaat kepada pelajar serta mudah diingat. Maklumat pelbagai ini mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan tajuk yang dipelajari. Ia dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata Arab serta boleh digunakan dalam penulisan dan pertuturan harian. Berikut disenaraikan maklumat pelbagai yang dimuatkan dalam modul ini.

Jadual 4.4
Tajuk-Tajuk Maklumat Pelbagai

| المحتوى Kandungan : | | الرقم Bil. |
|--|-----------------------|---------------|
| Hari-hari | الأيام | 1 |
| Bilangan dari 0 – 10 | العدد من 0 – 10 | 2 |
| Bilangan dari 11 – 19 | العدد من 11 – 19 | 3 |
| Bilangan mengikut susunan untuk maskulin | العدد الترتيبي للمذكر | 4 |
| Bilangan dari 20 – 29 | العدد من 20 – 29 | 5 |
| Bilangan: 20 – 90 | العدد : 20 – 90 | 6 |
| Bilangan mengikut susunan untuk feminin | العدد الترتيبي للمؤنث | 7 |
| Bilangan: 101 – 110 | العدد : 101 – 110 | 8 |
| Bilangan: ratus | مئات : العدد | 9 |

Semua maklumat pelbagai yang disebutkan di atas disertakan bersamanya transliterasi dalam tulisan rumi bagi memudahkan pelajar-pelajar yang lemah dalam bacaan dapat menyebut dan membaca dengan mudah. Maklumat-maklumat tersebut juga


diterjemahkan dalam bahasa Melayu bagi memudahkan pelajar mengingat makna perkataan-perkataan tersebut.

4.2.5 Tajuk-Tajuk Kata-Kata Hikmah dan Perumpamaan

Terdapat sembilan kata-kata hikmah dan perumpamaan yang dimuatkan dalam modul tahap satu ini. Kata-kata hikmah ini digunakan untuk penulisan khat atau kemahiran menulis sahaja dan ia tidak digunakan untuk tujuan menerangkan kepada penggunaan sintaksis dan seumpamanya, kerana sesuai dengan keadaan pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Walaubagaimanapun kata-kata hikmah dan perumpamaan tersebut diberikan terjemahan dalam bahasa Melayu untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami maksudnya serta dapat menghayatinya. Pemilihan kata-kata hikmah dan perumpamaan ini adalah berdasarkan nilai-nilai murni dan pengajaran yang terkandung dalamnya dan dapat dihayati oleh pelajar dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Berikut disenaraikan kata-kata hikmah dan perumpamaan tersebut.

Jadual 4.5
Tajuk-Tajuk Kata-kata Hikmah dan Perumpamaan

| المحتوى Kandungan : | | الرقم م Bil. |
|--|--|--------------------|
| Perkenalkan diri anda. | عَرَفَ نَفْسَكَ | 1 |
| Teman sebelum berjalan. | الرَّفِيقُ قَبْلَ الطَّرِيقِ | 2 |
| Siapa yang bersungguh-sungguh, dia dapat. | مَنْ جَدَّ وَجَدَ | 3 |
| Jiran sebelum berumah. | الْجَارُ قَبْلَ الدَّارِ | 4 |
| Sebaik-baik percakapan ialah apa yang sedikit dan bermakna. | خَيْرُ الْكَلَامِ مَا قَلَّ وَدَلَّ | 5 |
| Sesungguhnya kecantikan itu adalah kecantikan ilmu dan budi pekerti. | إِنَّ الْجَمَالَ جَمَالُ الْعِلْمِ وَالْأَدَبِ | 6 |
| Masa itu emas. | الْوَقْتُ مِنْ ذَهَبٍ | 7 |

| | | |
|--|--|---|
| Jikalau tidak ada muafakat, nescaya manusia akan binasa. | لَوْ لَا الْوَيْئَامُ لَهَلَكَ الْإِنْسَامُ | 8 |
| Buku yang bermanfaat adalah teman setia. |  | 9 |

4.2.6 Latihan

Setiap unit pelajaran disediakan latihan-latihan yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Ia bertujuan untuk memberikan pengukuhan kepada pelajar-pelajar agar mereka lebih memahami dan dapat mengikuti apa yang dipelajari mengikut tajuk yang telah disediakan. Ia juga boleh dibuat diluar kelas sebagai pengukuhan. Latihan-latihan ini adalah merangkumi empat kemahiran utama dalam pembelajaran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengkaji menyediakan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi setiap soalan latihan yang terdapat dalam modul ini. Ia bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami kehendak soalan dan membolehkan mereka menjawab dengan baik. Penyediaan terjemahan ini juga adalah mengikut konsep penyediaan soalan peperiksaan bagi semua bahasa-bahasa asing di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, di mana setiap soalan peperiksaan yang dikemukakan hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Soalan-soalan yang dikemukakan juga kebanyakannya diberikan jawapan pilihan sesuai dengan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Berikut adalah keterangan lanjut mengenai latihan-latihan yang terdapat dalam modul tahap satu ini.

4.2.6.1 Latihan-Latihan Unit Pertama

Unit pertama mengandung latihan-latihan seperti mendengar sebutan huruf-huruf Arab, menyebut serta menulis huruf-huruf tersebut dengan betul. Latihan melengkapkan huruf-huruf serta menyusunnya mengikut susunan juga ditekankan di samping latihan penulisan huruf-huruf mengikut transliterasi yang dipelajari. Latihan ini merupakan latihan peringkat awal untuk membolehkan pelajar-pelajar mengingat huruf-huruf Arab dengan baik. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit pertama.

Jadual 4.6
Latihan-latihan Unit Pertama

| المحتوىKandungan : | الرقم Bil. |
|---|--|
| Dengar dan sebut huruf-huruf berikut dengan betul. | 1 إِسْمِعْ وَأَنْطِقِ الْحُرُوفَ الْآتِيَةَ بُنْطَقًا سَلِيمًا |
| Tulis huruf-huruf berikut enam kali. | 2 اَكْتُبِ الْحُرُوفَ الْآتِيَةَ سِتَّ مَرَّاتٍ |
| Lengkapkan huruf-huruf hijaiyah berikut mengikut susunan. | 3 اَكْمِلِ الْحُرُوفَ الْمَجَائِيَةَ الْآتِيَةَ بِالترتيب |
| Tulis seperti dalam contoh. | 4 اَكْتُبْ كَمَا فِي الْمَثَالِ |
| Susun huruf-huruf hijaiyah berikut. | 5 رَتِّبِ الْحُرُوفَ الْمَجَائِيَةَ الْآتِيَةَ . |

4.2.6.2 Latihan-Latihan Unit Kedua

Unit kedua mengandung latihan-latihan berkaitan cara menulis huruf-huruf Arab bersambung, mencari perkataan menggunakan kamus, menyambung huruf, menyusun

huruf, menlengkapkan huruf yang kurang, memadankan perkataan dengan gambar dan latihan menulis perkataan. Jadual berikut menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kedua.

Jadual 4.7
Latihan-latihan Unit Kedua

| المحتوى Kandungan : | الرقم م Bil. |
|---|--|
| Tulis huruf-huruf berikut dalam keadaan bersambung, kemudian sambungkannya supaya menjadi satu perkataan seperti dalam contoh | أَكْتَبُ الحُرُوفَ الآتِيَةَ فِي حَالَةٍ مُتَّصِلَةٍ ثُمَّ صَلِّهَا لِتَكُونَ كَلِمَةً كَمَا فِي المِثَالِ |
| Datangkan perkataan-perkataan sendiri seperti dalam contoh berpandukan dengan kamus. | هَاتِ كَلِمَاتٍ مِنْ عِنْدِكُمْ كَمَا فِي المِثَالِ مُسْتَعِينًا بِالقَامُوسِ |
| Sambungkan huruf-huruf berikut supaya menjadi satu perkataan seperti dalam contoh. | صِلْ بَيْنَ الحُرُوفِ لِتَكُونَ كَلِمَةً كَمَا فِي المِثَالِ |
| Susun huruf-huruf berikut menjadi satu perkataan seperti dalam contoh. | رَتِّبِ الحُرُوفَ الآتِيَةَ لِتَكُونَ كَلِمَةً كَمَا فِي المِثَالِ |
| Lengkapkan huruf yang kurang berpandukan huruf-huruf yang terdapat dalam kurungan. | أَكْمِلِ الحَرْفَ النَّاقِصَ مُسْتَعِينًا بِالحُرُوفِ مَا بَيْنَ القَوْسَيْنِ |
| Padankan antara perkataan dan gambar seperti dalam contoh. | وَقِّفْ بَيْنَ الكَلِمَةِ وَالصُّورَةِ كَمَا فِي المِثَالِ |
| Tulis perkataan-perkataan berikut tiga kali. | أَكْتَبِ الكَلِمَاتِ الآتِيَةَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ |

4.2.6.3 Latihan-Latihan Unit Ketiga

Unit ketiga mengandungi latihan-latihan berkaitan dengan membariskan huruf-huruf iaitu baris atas, baris bawah dan baris depan serta latihan menyebut dan membaca. Jadual berikut menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit ketiga.

Jadual 4.8

Latihan-latihan Unit Ketiga

| المحتوى Kandungan : | | الرقم م Bil. |
|--|---|--------------------|
| Bariskan huruf-huruf berikut dengan baris atas kemudian sebut. | شَكَّلْ الحُرُوفَ الآتِيَةَ بِالْفَتْحَةِ ثُمَّ انطقْ. | 1 |
| Bariskan huruf-huruf berikut dengan baris bawah kemudian sebut. | شَكَّلْ الحُرُوفَ الآتِيَةَ بِالْكَسْرِ ثُمَّ انطقْ. | 2 |
| Bariskan huruf-huruf berikut dengan baris depan kemudian sebut. | شَكَّلْ الحُرُوفَ الآتِيَةَ بِالضَّمِّ ثُمَّ انطقْ. | 3 |
| Bariskan perkataan-perkataan berikut seperti dalam contoh kemudian baca. | شَكَّلْ الكَلِمَاتِ الآتِيَةَ كَمَا فِي المثالِ ثُمَّ اقرأْ. | 4 |
| Dengar kemudian sebut. | اسْمِعْ ثُمَّ انطقْ. | 5 |
| Baca dan ulang. | اقرأْ وَرَدِّدْ. | 6 |

4.2.6.4 Latihan-Latihan Unit Keempat

Unit keempat mengandungi latihan-latihan berkaitan dengan menentukan ayat-ayat yang betul atau salah, memadankan ayat, mencari perkataan tersembunyi, membaca dan mengulang, mengubah ayat, memenuhi tempat kosong, melengkapkan perbualan dan menjawab soalan. Jadual 4.9 berikut menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit keempat.

Jadual 4.9
Latihan-latihan Unit Keempat

| المحتوىKandungan : | | الرقم Bil. |
|--|--|---------------|
| Katakan <i>ṣahīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah kemudian letakkan tanda √ atau x berpandukan teks yang lepas. | قُلْ صَاحِبًا لِلْعِبَارَةِ الصَّحِيحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ ثُمَّ مُسْتَعِينًا X أَوْ √ ضَعْ عِلْمًا بِالنَّصِّ السَّابِقِ. | 1 |
| Sambungkan seperti dalam contoh, kemudian tulis. | صِلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ ثُمَّ اكْتُبْ. | 2 |
| Cari perkataan yang tersembunyi. | إِبْحَثْ عَنِ الْكَلِمَاتِ الْمَخْفِيَةِ | 3 |
| Baca dan ulang. | إِقْرَأْ وَرَدِّدْ | 4 |
| Ubah seperti dalam contoh. | حَوِّلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 5 |
| Penuhi tempat kosong dengan ganti nama yang sesuai yang terdapat dalam jadual. | إِمْلَأِ الْفَرَغَاتِ بِالضَّمَائِرِ الْمُنَاسِبَةِ فِي الْجَدْوَلِ | 6 |
| Ubah seperti dalam contoh. | حَوِّلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 7 |
| Sempurnakan perbualan berikut berpandukan ayat yang terdapat dalam jadual. | أَكْمِلِ الْحَوَارِ الْأَتِي مُسْتَعِينًا بِالْعِبَارَاتِ فِي الْجَدْوَلِ | 8 |
| Jawab seperti dalam contoh berpandukan perkataan yang terdapat dalam kurungan. | أَجِبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ مُسْتَعِينًا بِالْكَلِمَاتِ مَا بَيْنَ الْقَوْسَيْنِ | 9 |

4.2.6.5 Latihan-Latihan Unit Kelima

Unit kelima mengandungi latihan-latihan berkaitan dengan menentukan ayat yang betul atau salah, memilih jawapan yang sesuai, mencari perkataan yang tersembunyi, membaca dan mengulang, mengubah ayat, menulis Ganti Nama yang sesuai, menjawab soalan dan menyusun perkataan. Jadual 4.10 berikut menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kelima.

Jadual 4.10
Latihan-latihan Unit Kelima

| المحتوىKandungan : | الرقم Bil. |
|--------------------|---------------|
|--------------------|---------------|

| | | |
|---|---|---|
| Tulis tanda (√) pada jawapan yang betul dan tanda (X) pada jawapan yang salah. | في الإجابة (√) أكتب علامة في (X) الصحيحة وعلامة الإجابة الخاطئة. | 1 |
| Pilih jawapan yang sesuai yang terdapat dalam jadual bagi soalan berikut, kemudian tulis jawapan tersebut di tempat kosong. | اختر الإجابة المناسبة في الجدول للأسئلة الآتية ثم أكتبها في الفراغات. | 2 |
| Cari perkataan yang tersembunyi. | ابحث عن الكلمات المخفية. | 3 |
| Baca dan ulang. | اقرأ وردد. | 4 |
| Ubah seperti dalam contoh. | حول كما في المثال. | 5 |
| Tulis ganti nama diri ketiga yang sesuai di tempat kosong. | أكتب الضمائر المناسبة للغائب في الفراغات. | 6 |
| Ubah seperti dalam contoh. | حول كما في المثال. | 7 |
| Jawab seperti dalam contoh berpandukan perkataan yang terdapat dalam kurungan. | أجب كما في المثال مستعيناً بالكلمات ما بين القوسين. | 8 |
| Susun perkataan-perkataan berikut menjadi satu ayat seperti contoh diberikan. | رتب الكلمات الآتية لتكون كلمة كما في المثال. | 9 |

4.2.6.6 Latihan-Latihan Unit Keenam

Unit keenam mengandungi latihan-latihan yang berkaitan dengan menyebut ayat yang betul atau salah, menyambung ayat, membaca, bercakap, memadankan perkataan, menjawab soalan berpandukan perkataan, meletakkan Kata Nama Penunjuk di tempat kosong dan meletakkan perkataan yang sesuai di tempat kosong. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit keenam.

Jadual 4.11
Latihan-latihan Unit Keenam

| | |
|------------------------|---------------|
| المحتوى Kandungan : | الرقم Bil. |
|------------------------|---------------|

| | | |
|--|--|---|
| Katakan <i>ṣahīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah berpandukan petikan yang lepas. | قُلْ صَحِيحًا لِلْعِبَارَةِ الصَّحِيحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ مُسْتَعِينًا بِالنَّصِّ السَّابِقِ | 1 |
| Sambungkan seperti dalam contoh, kemudian tulis. | صِلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ ثُمَّ اكْتُبْ | 2 |
| Baca dan ulang. | اقْرَأْ وَرَدِّدْ | 3 |
| Bercakaplah. | تَكَلِّمْ | 4 |
| Padankan seperti dalam contoh kemudian tulis. | وَقِّقْ كَمَا فِي الْمِثَالِ ثُمَّ اكْتُبْ | 5 |
| Jawab berpandukan perkataan yang terdapat dalam kurungan yang sesuai dengan gambar seperti dalam contoh. | أَجِبْ مُسْتَعِينًا بِالْكَلِمَاتِ مَا بَيْنَ الْقَوْسَيْنِ الْمُنَاسِبَةَ بِالصُّورِ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 6 |
| Letakkan Kata Nama Penunjuk yang sesuai di tempat kosong. | ضَعْ أَسْمَاءَ الْإِشَارَةِ الْمُنَاسِبَةَ فِي الْفَرَائِغِ | 7 |
| Penuhkan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai yang terdapat dalam kurungan. | امْلَأِ الْفَرَائِغَ بِالْكَلِمَاتِ الْمُنَاسِبَةَ فِي الْقَوْسَيْنِ | 8 |

4.2.6.7 Latihan-Latihan Unit Ketujuh

Unit ketujuh mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan menyebut betul atau salah, menjawab soalan-soalan kefahaman, menyambung perkataan, menyusun perkataan, menulis seperti contoh, mengubah seperti contoh, menjawab soalan, dan melengkapkan perkataan. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit ketujuh.

Jadual 4.12
Latihan-latihan Unit Ketujuh

| المحتوى Kandungan : | | الرقم م Bil. |
|--|---|--------------------|
| Katakan <i>ṣahīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah kemudian letakkan tanda √ atau X. | قُلْ صَحِيحًا لِلْعِبَارَةِ الصَّحِيحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ ثُمَّ X أو √ ضَعْ عَلَامَةَ | 1 |

| | | |
|---|--|---|
| Jawab soalan-soalan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | أَجِبْ عَنِ الْأَسْئَلَةِ الْآتِيَةِ مُسْتَعِينًا بِالْإِجَابَةِ فِي الْجَدْوَلِ. | 2 |
| Sambungkan perkataan seerti seperti dalam contoh. | صِلْ بَيْنَ الْكَلِمَاتِ وَمُرَادِفِهَا كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 3 |
| Susun perkataan-perkataan berikut menjadi satu ayat seperti dalam contoh. | رَتِّبْ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةَ لِتَكُونَ جُمْلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 4 |
| Tulis seperti dalam contoh. | اَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 5 |
| Tukar seperti dalam contoh. | حَوِّلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 6 |
| Jawab seperti dalam contoh. | أَجِبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 7 |
| Sempurnakan. | أَكْمِلْ. | 8 |

4.2.6.8 Latihan-Latihan Unit Kelapan

Unit kelapan mengandungi latihan-latihan berkaitan dengan membaca dan berlakon, memilih jawapan bagi ucap selamat, menterjemahkan ucap selamat, menyempurnakan perbualan, memilih ucap selamat yang sesuai berdasarkan terjemahan dalam bahasa Melayu, menyusun perkataan dan menyediakan perbualan berdasarkan ucap selamat yang dipelajari. Jadual berikut menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kelapan.

Jadual 4.13
Latihan-latihan Unit Kelapan

| Kandungan : المحتوى | | الرقم Bil. |
|--|---|----------------------|
| Baca ucap selamat berikut serta jawapannya. | اقْرَأِ التَّحِيَّاتِ الْآتِيَةَ مَعَ رُدُودِهَا. | 1 |
| Baca kemudian lakonkan. | اقْرَأِ ثُمَّ مِثْلٍ. | 2 |
| Pilih jawapan yang sesuai bagi ucap selamat berikut yang terdapat dalam jadual, kemudian tulis seperti dalam contoh. | اخْتَرِ رُدُودًا مُنَاسِبَةً لِلتَّحِيَّاتِ الْآتِيَةِ فِي الْجَدْوَلِ ثُمَّ اَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 3 |

| | | |
|--|---|---|
| Terjemahkan ucap selamat berikut ke dalam bahasa Melayu berpandukan terjemahan yang terdapat dalam jadual. | تَرْجِمُ التَّحِيَّاتِ الْآتِيَةَ إِلَى اللُّغَةِ الْمَلَايُوتِيَّةِ مُسْتَعِينًا بِالتَّرَاجُمِ فِي الْجَدْوَلِ. | 4 |
| Sempurnakan perbualan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | أَكْمِلِ الْحَوَارَ الْآتِيَةَ مُسْتَعِينًا بِالْإِجَابَةِ فِي الْجَدْوَلِ. | 5 |
| Pilih ucap selamat yang terdapat dalam jadual yang sesuai dengan terjemahan Melayu berikut. | اخْتَرِ التَّحِيَّاتِ الْمُنَاسِبَةَ فِي الْجَدْوَلِ بِالتَّرَاجُمِ الْمَلَايُوتِيَّةِ الْآتِيَةَ . | 6 |
| Susun perkataan-perkataan berikut menjadi satu ayat seperti dalam contoh. | رَتِّبِ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةَ لِتَكُونَ جُمْلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ | 7 |
| Buat perbualan di antara awak dan rakan-rakan awak berpandukan ucap selamat yang lepas kemudian lakonkan. | أَجْرُ الْحَوَارِ بَيْنَكَ وَبَيْنَ زَمَلَانِكَ مُسْتَعِينًا بِالتَّحِيَّاتِ السَّابِقَةِ ثُمَّ مِثْلِ . | 8 |

4.2.6.9 Latihan-Latihan Unit Kesembilan

Unit kesembilan mengandungi latihan-latihan berkaitan tentang menyebut betul atau salah, menjawab soalan kefahaman, menyusun perkataan, menulis seperti contoh, mengganti seperti contoh dan menyempurnakan perkataan. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kesembilan.

Jadual 4.14
Latihan-latihan Unit Kesembilan

| المُحتَوَى Kandungan : | | الرقم Bil. |
|---|--|------------|
| Katakan <i>ṣahīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah. | قُلْ صَاحِحًا لِلْعِبَارَةِ الصَّحِيحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ. | 1 |
| Jawab soalan-soalan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | أَجِبْ عَنِ الْأَسْئَلَةِ الْآتِيَةِ مُسْتَعِينًا بِالْإِجَابَةِ فِي الْجَدْوَلِ. | 2 |

| | | |
|---|--|---|
| Susun perkataan-perkataan berikut menjadi satu ayat seperti dalam contoh. | رَبِّبُ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةِ لِتَكُونَ جُمْلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ | 3 |
| Baca dan perhatikan. | اقْرَأْ وَتَأَمَّلْ | 4 |
| Tulis seperti dalam contoh. | اَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 5 |
| Tulis seperti dalam contoh. | اَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 6 |
| Ganti seperti dalam contoh. | اسْتَبْدِلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 7 |
| Sempurnakan. | اَكْمِلْ | 8 |

4.2.6.10 Latihan-Latihan Unit Kesepuluh

Unit kesepuluh mengandungi latihan-latihan berkaitan tentang bacaan jam, menjawab soalan kefahaman, menyoal dan menjawab, menulis jam dengan perkataan, memadankan ayat dengan gambar, menterjemahkan jam ke dalam bahasa Melayu dan menterjemahkan jam ke dalam bahasa Arab. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kesepuluh.

Jadual 4.15
Latihan-latihan Unit Kesepuluh

| المحتوى Kandungan : | | الرقم Bil. |
|---|--|------------|
| Perhatikan dan baca jam berikut. | لاحظ وقرأ الساعة الآتية | 1 |
| Jawab soalan-soalan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | أجب عن الأسئلة الآتية مستعيناً بالإجابة في الجدول | 2 |
| Tanya kawan awak? | اسأل زميلك؟ | 3 |
| Tulis jam berikut dengan perkataan seperti dalam contoh berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | اكتب الساعة الآتية بالحروف مستعيناً بالإجابة في الجدول كما في المثال | 4 |
| Padankan seperti dalam contoh. | ووفق كما في المثال | 5 |

| | | |
|---|---|---|
| Terjemahkan jam berikut ke dalam bahasa Melayu berpandukan terjemahan yang terdapat dalam jadual. | تَرْجِمِ السَّاعَةَ الْآتِيَةَ إِلَى اللُّغَةِ الْمَلَايُومَةِ مُسْتَعِينًا بِالتَّرَاجُمِ فِي الْجَدْوَلِ. | 6 |
| Terjemahkan jam berikut ke dalam bahasa Arab berpandukan terjemahan yang terdapat dalam jadual. | تَرْجِمِ السَّاعَةَ الْآتِيَةَ إِلَى اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ مُسْتَعِينًا بِالتَّرَاجُمِ فِي الْجَدْوَلِ. | 7 |

4.2.6.11 Latihan-Latihan Unit Kesebelas

Unit kesebelas mengandungi latihan-latihan berkaitan dengan mengatakan betul atau salah, menjawab soalan kefahaman, menyusun perkataan, membentuk ayat, membezakan maskulin dan feminin, menulis seperti contoh, menukar perkataan menjadi maskulin dan membetulkan kesalahan. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kesebelas.

Jadual 4.16
Latihan-latihan Unit Kesebelas

| المُحتَوَى Kandungannya : | الرقم Bil. |
|--|---|
| Katakan <i>ṣahīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah kemudian letakkan tanda √ atau x. | 1 قُلْ صَحِيحًا لِلْعِبَارَةِ الصَّحِيحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ ثُمَّ X. أَوْ لَضَعْ عِلَامَةَ |
| Jawab soalan-soalan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | 2 أَجِبْ عَنِ الْأَسْئَلَةِ الْآتِيَةِ مُسْتَعِينًا بِالْإِجَابَةِ فِي الْجَدْوَلِ. |
| Susun perkataan-perkataan berikut supaya menjadi satu ayat seperti dalam contoh. | 3 رَبِّبِ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةَ لِتَكُونَ جُمْلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ. |
| Buat ayat seperti dalam dua contoh. | 4 كُونَ جُمْلًا كَمَا فِي الْمِثَالَيْنِ. |

| | | |
|--|--|---|
| Bezakan mudhakkar (feminin) daripada muannath (maskulin) pada perkataan-perkataan berikut kemudian susun dalam jadual. | مَيَّرَ الْمُذَكَّرَ مِنَ الْمُؤَنَّثِ فِي الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةِ ثُمَّ رَتَّبَهَا فِي الْجَدْوَلِ. | 5 |
| Tulis seperti dalam contoh. | أَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 6 |
| Jadikan perkataan-perkataan berikut mudhakkar (feminin) seperti dalam contoh. | اجْعَلْ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةَ مُذَكَّرًا كَمَا فِي الْمِثَالِ | 7 |
| Betulkan yang salah seperti dalam contoh. | صَحِّحِ الْخَطَأَ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 8 |

4.2.6.12 Latihan-Latihan Unit Kedua Belas

Unit kedua belas mengandungi latihan-latihan berkaitan tentang mengatakan betul atau salah, menjawab soalan kefahaman, menyusun perkataan, membaca, membentuk soalan, menjawab seperti contoh, mendatangkan soalan dan menjawab soalan serta mengubahnya. Jadual di bawah menunjukkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit kedua belas.

Jadual 4.17
Latihan-latihan Unit Kedua Belas

| المحتوى Kandungan : | الرقم Bil. | |
|--|--|---|
| Katakan <i>ṣaḥīh</i> (betul) bagi ayat yang betul dan katakan <i>khaṭa'</i> (salah) bagi ayat yang salah kemudian letakkan tanda √ atau x. | قُلْ صَاحِحًا لِلْعِبَارَةِ الصَّاحِحَةِ وَقُلْ خَطَأً لِلْعِبَارَةِ الْخَاطِئَةِ ثُمَّ X. أَوْ / ضَعْ عِلَامَةَ | 1 |
| Jawab soalan-soalan berikut berpandukan jawapan yang terdapat dalam jadual. | أَجِبْ عَنِ الْأَسْئَلَةِ الْآتِيَةِ مُسْتَعِينًا بِالْإِجَابَةِ فِي الْجَدْوَلِ | 2 |
| Susun perkataan-perkataan berikut supaya menjadi satu ayat. | رَتِّبِ الْكَلِمَاتِ الْآتِيَةَ لِتَكُونَ جُمْلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ | 3 |
| Baca dan ulang. | اقْرَأْ وَرَدِّدْ | 4 |
| Jawab seperti dalam contoh. | أَجِبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 5 |
| Jawab seperti dalam contoh. | أَجِبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ | 6 |
| Datangkan soalan seperti dalam contoh. | هَاتِ اسْئَلَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ | 7 |

| | | |
|---|---|---|
| Jawab seperti dalam contoh. | أَجِبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 8 |
| Sempurnakan jawapan seperti dalam contoh. | أَكْمِلْ الْجَوَابَ كَمَا فِي الْمِثَالِ. | 9 |

4.2.7 Glosari

Pengkaji menyediakan glosari atau kamus di akhir modul ini. Semua perkataan yang terdapat dalam modul ini disusun semula mengikut susunan abjad dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan pelajar-pelajar membuat rujukan makna bagi setiap perkataan yang terdapat dalam modul ini. Ia juga bertujuan untuk mempercepatkan proses pembelajaran di kelas kerana pelajar-pelajar dapat merujuk makna setiap pelajaran yang akan dipelajari di rumah atau di asrama sebelum mengikuti kelas bahasa Arab.

4.3 MODUL RINTIS

Pengkaji telah menjadikan “MABAUPUMS” untuk diaplikasikan bagi menilai keberkesanannya (Sila rujuk Lampiran B). Pengkaji telah memilih dan menggunakan modul rintis ini sebagai percubaan untuk diaplikasi kepada beberapa kumpulan pelajar. Jumlah pelajar yang dipilih untuk mempelajari modul ini adalah sebanyak 70 orang. Mereka adalah pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah yang mengambil kursus bahasa Arab Tahap Satu di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan yang ada asas sedikit di sekolah rendah yang terdiri dari pelbagai jurusan serta pelbagai etnik dan agama.

Masa pembelajaran adalah tiga jam seminggu bagi setiap kelas bahasa Arab yang

dijalankan. Ia mengikut jam kredit yang dilaksanakan di UMS bagi Kursus Bahasa Arab iaitu tiga jam kredit. Ini bermakna jumlah pengajaran Bahasa Arab dalam satu semester ialah sebanyak 42 jam. Pengkaji telah memilih semester kedua sesi 2008/2009 untuk mengaplikasikan modul ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada akhir semester tersebut, soal selidik akan diedarkan kepada pelajar-pelajar sebaik sahaja mereka selesai menghabiskan pembelajaran selama 14 minggu (Sila rujuk Lampiran E). Analisis keputusan peperiksaan (Sila rujuk Lampiran D) dan data yang diperolehi dari soal selidik kedua (Sila rujuk Lampiran E) diharapkan dapat memberikan gambaran jelas sejauh mana keberkesanan dan keupayaan modul ini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UMS.

4.4 KAEDAH PENGAJARAN

Setiap modul atau buku pelajaran yang hendak dipelajari seharusnya mempunyai kaedah pengajaran yang tersendiri dan sesuai bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektif yang digariskan. Pada pendapat pengkaji, kaedah pengajaran yang sesuai digunakan untuk “MABAUPUMS” yang dicadangkan melalui penyelidikan ini ialah “Kaedah Komunikasi”.

Pengkaji telah menjelaskan tentang kelebihan dan kelemahan kelima-lima kaedah pengajaran bahasa Arab dalam bab kedua. Berikut pengkaji ingin memberikan sebab-sebab mengapa pengkaji memilih kaedah komunikasi untuk modul yang dicadangkan:

1. Kursus Bahasa Arab yang ditawarkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa adalah secara elektif bagi pelajar-pelajar yang ingin mempelajari bahasa Arab.

Pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah terdiri dari mereka yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan mereka mempelajari bahasa tersebut untuk menguasai asas empat kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

2. Berdasarkan pengalaman pengkaji mengajar bahasa Arab melalui kaedah komunikasi, mendapati kaedah ini sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, pengkaji memilih kaedah tersebut untuk modul yang dicadangkan ini, kerana pelajar-pelajar lebih aktif di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
3. Isi kandungan modul ini dan latihan-latihan yang dikemukakan adalah sesuai digunakan untuk komunikasi berdasarkan empat asas kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

4.5 CADANGAN TEKNIK PENGAJARAN “MABAUPUMS”

Di sini pengkaji ingin menggariskan cadangan teknik-teknik pengajaran yang difikir sesuai bagi setiap unit pelajaran yang terdapat dalam “MABAUPUMS” (Sila rujuk Lampiran B) sebagai modul rintis yang diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

4.5.1 Unit pertama:

Guru menyebut huruf-huruf Arab dengan jelas, manakala pelajar mendengar sebutan tersebut dengan baik. Kemudian guru menyebut sekali lagi dan diikuti oleh pelajar secara

ramai-ramai. Selepas itu pelajar menyebutnya seorang demi seorang untuk memastikan sebutan mereka betul. Guru boleh menggunakan rakaman sebutan huruf-huruf Arab untuk diperdengarkan kepada pelajar yang disediakan sebagai alat bantu mengajar. Selepas itu, guru menerangkan serta menunjukkan cara-cara menulis huruf Arab tunggal satu persatu dan pelajar diminta memerhatikan dan mengikutinya dengan baik. Guru juga menerangkan penggunaan tranliterasi yang betul mengikut Gaya Dewan khususnya bagi pelajar-pelajar yang tidak mengenali huruf Arab dan sebutannya untuk membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan mudah. Di akhir pelajaran, pelajar-pelajar diminta membuat latihan-latihan yang terdapat dalam modul tersebut bagi mengukuhkan lagi kefahaman dan penguasaan mereka dalam huruf Arab.

4.5.2 Unit kedua:

Guru memberikan penerangan tentang cara-cara penulisan huruf-huruf yang bersambung di hadapan, tengah dan di akhiran secara praktikal berserta dengan contohnya. Semua pelajar diminta menulis huruf-huruf yang bersambung di hadapan, tengah dan akhiran seperti mana yang dilakukan oleh guru. Kemudian guru menerangkan cara menyambung huruf-huruf untuk menjadi satu perkataan. Semua pelajar diminta menyambungkan huruf-huruf tunggal menjadi satu perkataan seperti mana yang dilakukan oleh guru. Kemudian pelajar-pelajar diminta menyelesaikan latihan-latihan yang terdapat dalam modul dengan bimbingan guru.

4.5.3 Unit ketiga:

Guru menerangkan vokal huruf Arab pendek dan panjang serta memberikan contohnya sekali. Pelajar-pelajar diminta menyebut vokal-vokal tersebut secara beramai-ramai untuk memudahkan mereka mengingatnya. Selepas itu mereka diminta menyebutnya seorang demi seorang bagi memastikan sebutan mereka betul. Guru akan membetulkan setiap kesalahan sebutan yang dilakukan oleh pelajar. Seterusnya pelajar-pelajar diminta melengkapkan latihan-latihan yang terdapat dalam unit tersebut dengan bimbingan guru.

4.5.4 Unit keempat:

Guru membaca teks perbualan “berkenalan” (*at-ta‘āruf*), manakala pelajar mendengar dengan teliti. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara berduaan untuk memastikan mereka dapat membaca dengan baik dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi sesama mereka. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks yang dipelajari. Pelajar seterusnya diminta membuat latihan berkaitan dengan teks di atas.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Ganti Nama Berpisah untuk diri pertama dan kedua” (*al-ḍamā’ir al-munfaṣilah li al-mutakallim wa al-mukhāṭab*) dan menerangkannya secara ringkas. Guru mengulang semula bacaan ganti nama tersebut dengan diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai untuk menambah kefahaman mereka dalam penggunaan Ganti Nama tersebut. Pelajar diminta menyelesaikan latihan-latihan yang berkaitan dengan Ganti Nama tersebut dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran,

pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “hari-hari” (*al-ayyām*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “kenali diri anda” (*‘Arrif nafsak*) untuk tujuan penulisan khat.

4.5.5 Unit kelima:

Guru membaca teks perbualan “Ahmad dan Rakan-rakannya” (*Aḥmad wa aṣḍiqā’uh*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara berduaan atau kumpulan untuk memastikan mereka dapat membaca dengan baik dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi sesama mereka. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks yang dipelajari. Pelajar seterusnya diminta membuat latihan berkaitan dengan teks di atas secara lisan atau bertulis.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Ganti Nama Berpisah untuk diri ketiga” (*al-ḍamā’ir al-munfaṣilah li al-gā’ib*) bersama-sama pelajar. Kemudian pelajar mengulangi bacaan Ganti Nama yang tersebut di atas secara beramai-ramai untuk menambah kefahaman mereka dalam penggunaan Ganti Nama tersebut. Pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan Ganti Nama tersebut secara lisan atau bertulis dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran, pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “bilangan dari 0-10” (*al-‘adad min 0-10*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Teman sebelum berjalan” (*al-rafiq qabla’ṭ-ṭarīq*) untuk

penulisan khat.

4.5.6 Unit keenam:

Guru membaca teks perbualan “Antara Ustaz dan Pelajar” (*baina ustāz wa ṭālib*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara berduaan atau kumpulan untuk memastikan mereka dapat membaca dengan baik dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi sesama mereka. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks yang dipelajari. Pelajar seterusnya diminta membuat latihan berkaitan dengan teks di atas secara lisan.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Kata Nama Penunjuk” (*Asmā’ al-ishārah*), kemudian diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca ayat-ayat yang mengandungi Kata Nama Penunjuk untuk menambah kefahaman mereka dalam penggunaannya. Pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan Kata Nama Penunjuk secara lisan atau bertulis dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran, pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “bilangan dari 11-19” (*al-‘adad min 11-19*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Siapa bersungguh-sungguh dia dapat” (*man jadda wajada*) untuk penulisan khat.

4.5.7 Unit ketujuh:

Guru membaca teks perbualan “Rumah awak” (*manziluka*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara berduaan atau kumpulan untuk memastikan mereka dapat membaca dengan baik dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi sesama mereka. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks yang dipelajari. Di samping itu, makna seerti juga diberikan untuk menambah perbendaharaan kata pelajar. Pelajar seterusnya diminta membuat latihan kefahaman berkaitan dengan teks di atas secara lisan atau bertulis.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri pertama dan kedua” (*al-ḡamā’ir al-muttaṣilah li al-mutakallim wa al-mukhāṭab*), kemudian diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Pelajar seterusnya membaca ayat-ayat yang mengandungi Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri pertama dan kedua untuk menambah kefahaman mereka dalam penggunaannya. Pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri pertama dan kedua secara lisan atau bertulis dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran, pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “bilangan mengikut susunan – maskulin” (*al-‘adad al-tartībī li al-mudhakkar*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Jiran sebelum berumah” (*al-jār qabla’d-dār*) untuk penulisan khat.

4.5.8 Unit kelapan:

Guru membaca teks perbualan “Mari kita belajar ucap selamat” (*Hayyā nat‘allamu’t-tahīyyāt*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara berduaan atau kumpulan untuk memastikan mereka dapat membaca dengan baik dan secara tidak langsung dapat berkomunikasi sesama mereka. Guru seterusnya menerangkan penggunaan ucap selamat dalam perbualan. Pelajar diminta membaca ucap selamat-ucap selamat yang terkandung dalam buku teks secara kumpulan. Satu kumpulan membaca ucap selamat dan satu kumpulan lain membaca jawapan bagi ucap selamat tersebut dan begitulah sebaliknya. Ia bertujuan untuk menghidupkan suasana komunikasi di dalam kelas dan membiasakan pelajar menggunakan ucap selamat tersebut dalam perbualan harian. Selepas itu, pelajar diminta membuat latihan berkaitan dengan ucap selamat di atas secara lisan atau bertulis dengan bimbingan guru.

Pada akhir pelajaran, pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “ bilangan dari 20-29” (*al-‘adad min 20-29*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Sebaik-baik percakapan ialah apa yang sedikit dan bermakna” (*khairu’l-kalām mā qalla wa dalla*) untuk penulisan khat.

4.5.9 Unit kesembilan:

Guru memperdengarkan teks “Husna dan kawan-kawanya” (*Husnā wa zamīlātuhā*) melalui rakaman, manakala pelajar diminta mendengar dengan teliti sambil

memerhatikan teks. Kemudian Guru mengulangi bacaan teks tersebut dan pelajar diminta mengikutinya secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca seorang demi seorang untuk memastikan bacaan mereka baik dan betul. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks tersebut. Selepas itu, pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan teks tersebut sama ada secara lisan atau bertulis.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri ketiga” (*al-ḍamā'ir al-muttaṣilah li al-gā'ib*) berserta contoh penggunaannya dalam ayat. kemudian diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca ayat-ayat yang mengandungi “Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri ketiga” untuk menambah kefahaman mereka dalam penggunaannya. Pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan “Ganti Nama Bersambung - akhiran untuk diri ketiga” secara lisan atau bertulis dengan bimbingan guru. Pada akhir pelajaran, pelajar diperkenalkan dengan maklumat pelbagai “bilangan dari 20-90” (*al-'adad min 20-90*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Sesungguhnya kecantikan itu adalah kecantikan ilmu dan budi pekerti” (*inna'l-jamāl, jamālu'l-'ilmi wa'l-adab*) untuk penulisan khat.

4.5.10 Unit kesepuluh:

Guru membaca teks perbualan “jam” (*as-sa'ah*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan teks perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara

beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara kumpulan berdasarkan berapa orang yang terlibat dalam perbualan tersebut. Ia bertujuan untuk menghidupkan suasana pembelajaran berdasarkan kaedah komunikasi. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks tersebut dengan baik. Selepas itu, pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan teks tersebut sama ada secara lisan atau bertulis.

Setelah selesai, guru seterusnya memperkenalkan kepada pelajar tentang maklumat pelbagai iaitu “Bilangan mengikut susunan – feminin” (*al-‘adad al-tartībyy li al-muannath*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Masa itu emas” (*al-waqtu min dhahab*) untuk penulisan khat.

4.5.11 Unit kesebelas:

Guru membaca teks perbualan “Keluarga Saya” (*usratī*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru boleh memperdengarkan perbualan tersebut melalui rakaman yang disediakan. Kemudian pelajar membaca teks tersebut secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara duaan atau kumpulan untuk menghidupkan suasana perbualan berdasarkan kaedah komunikasi. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* dan yang terkandung dalam teks tersebut. Pelajar juga diperkenalkan dengan *murādifāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk memperbanyakkan perbendaharaan kata. Selepas itu, pelajar diminta menyempurnakan latihan-latihan berkaitan dengan teks tersebut sama ada secara lisan ataupun bertulis dengan bimbingan guru.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Maskulin dan Feminin” (*al-mudhakkara wa al-muannath*) bersama-sama pelajar. Kemudian guru menerangkan penggunaannya secara ringkas. Pelajar seterusnya mengulangi bacaan “Maskulin dan Feminin” untuk meningkatkan kefahaman mereka. Kemudian mereka diminta menyempurnakan latihan-latihan yang berkaitan dengan “Maskulin dan Feminin” secara lisan ataupun bertulis sebagai latihan tubi kepada mereka dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran, guru memperkenalkan kepada pelajar tentang maklumat pelbagai iaitu “Bilangan 101-110” (*al-‘adad 101-110*) untuk diingat dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Jikalau tidak ada muafakat, nescaya manusia akan binasa” (*lawla’l-wi’ām, lahalaka’l-anām*) untuk penulisan khat. Ia bertujuan untuk memperbaiki dan memperelokkan tulisan.

4.5.12 Unit kedua belas:

Guru memperdengarkan rakaman teks perbualan “Di Universiti Malaysia Sabah” (*Fī Jāmi‘ah Māliziā Sabah*), manakala pelajar mendengar dengan teliti sambil memerhatikan teks. Guru membaca semula teks tersebut kemudian diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Seterusnya pelajar membaca secara duaan atau kumpulan untuk menghidupkan suasana perbualan berdasarkan kaedah komunikasi. Guru seterusnya menerangkan *mufradāt* yang terkandung dalam teks tersebut untuk membolehkan pelajar memahami teks tersebut dengan baik. Selepas itu, pelajar diminta menjawab latihan-latihan berkaitan dengan teks tersebut sama ada secara lisan ataupun bertulis dengan bimbingan guru.

Setelah selesai, guru seterusnya membaca “Kata Tanya” (*Asmā’ al-istifhām*) dengan diikuti oleh pelajar secara beramai-ramai. Kemudian pelajar mengulangi bacaan “Kata Tanya” untuk meningkatkan kefahaman mereka. Seterusnya mereka diminta menyempurnakan

latihan-latihan yang berkaitan dengan “ *Asmā’ al-istifhām*” secara lisan ataupun bertulis sebagai latih tubi kepada mereka dengan bimbingan guru. Di akhir pelajaran, guru memperkenalkan kepada pelajar tentang maklumat pelbagai iaitu “Bilangan Ratus” (*al-‘adad: mi’āt*) untuk diingat bagi memperbanyakkan perbendaharaan kata dan kata-kata hikmah dan perumpamaan “Buku yang bermanfaat adalah teman setia” (*al-kitābu’n-nāfi’, ṣadīqun ḥamīm*) untuk penulisan khat.

4.6 PENILAIAN

Peringkat akhir yang dilakukan oleh pengkaji untuk memastikan modul pengkaji ini (MABAUPUMS) dapat mencapai objektifnya atau tidak, adalah melalui penilaian. Pengkaji menggunakan penilaian melalui ‘Ujian Pencapaian’ atau ‘*Achievement Test*’. Pengkaji telah menjelaskan ujian pencapaian sebelum ini dalam bab kedua, dan secara ringkasnya ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i. Ujian pencapaian berterusan.

Ujian ini merangkumi latihan-latihan yang dilakukan selepas selesai pengajaran dan ujian bulanan. Latihan dan ujian ini disediakan oleh guru kelas untuk melihat tahap penguasaan pelajar-pelajar mereka secara berterusan.

ii. Ujian pencapaian akhir.

Ujian ini dilakukan pada akhir semester atau persekolahan. Ia bertujuan untuk menilai secara keseluruhan pencapaian pelajar dengan memberikan gred yang tertentu. Melalui ujian ini, soalan-soalan yang disediakan adalah berdasarkan kepada sukatan yang telah dipelajari oleh pelajar bagi

mbolehkan mereka menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Dalam modul pengkaji, setiap tajuk pelajaran disertai dengan latihan-latihan yang bertujuan untuk menilai penguasaan dan kefahaman pelajar. Ia merupakan penilaian secara berterusan yang perlu dibuat oleh pelajar dengan pemantauan dan bimbingan tenaga pengajar. Setiap kesalahan dan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar hendaklah diperbetulkan oleh tenaga pengajar supaya pelajar dapat membuat pembetulan semula setiap kesalahan yang dilakukan dan berusaha untuk tidak melakukan kesalahan pada latihan-latihan seterusnya.

Pengkaji juga akan mengakhiri modul pengkaji ini dengan melakukan peperiksaan akhir yang akan dilaksanakan pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran ataupun di akhir semester. Ia merupakan ujian pencapaian akhir yang bertujuan untuk menilai perkara-perkara berikut:

- i. Kesesuaian dan keberkesanan modul yang digunakan.
- ii. Tahap kemajuan pelajar
- iii. Kemampuan tenaga pengajar yang mengajar.
- iv. Keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan.

Dalam membuat analisis keputusan peperiksaan akhir yang akan dijalankan nanti, pengkaji menggunakan sistem gred markah yang diguna pakai di Universiti Malaysia Sabah, kerana modul ini disediakan khusus untuk pelajar-pelajar UMS. Sistem pengredan keputusan peperiksaan tersebut adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.18
Sistem Pengredan Keputusan Peperiksaan

| Gred | Peratusan | Nilai Gred | Bahasa |
|-------------|------------------|-------------------|-----------------|
| A | 80 – 100 | 4.00 | Lulus Cemerlang |
| A- | 75 – 79 | 3.67 | |
| B+ | 70 – 74 | 3.33 | Lulus Kepujian |
| B | 65 – 69 | 3.00 | |
| B- | 60 – 64 | 2.67 | |
| C+ | 55 – 59 | 2.33 | Lulus |
| C | 50 – 54 | 2.00 | |
| C- | 44 – 49 | 1.67 | |
| D+ | 40 – 44 | 1.33 | |
| D | 35 – 39 | 1.00 | |
| E | 0 – 34 | 0.00 | Kandas |

Sebagai kesimpulannya, modul yang dicadangkan oleh pengkaji dalam bab ini adalah untuk mencapai objektif yang telah digariskan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini, iaitu mencipta satu modul asas bahasa Arab untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Adalah diharapkan dengan terciptanya modul ini, akan dapat membantu pelajar lebih berpeluang menguasai kemahiran asas bahasa Arab dan menambah bahan pembelajaran asas bahasa Arab untuk dimanfaatkan oleh semua peringkat umur dan jurusan.

4.7 PENUTUP

Bab keempat ini menerangkan tentang kandungan modul pengkaji “MABAUPUMS” . Ia merangkumi objektif modul, kaedah pengajaran, cadangan langkah-langkah pengajaran dan penilaian. Bab ini adalah lanjutan daripada perbincangan pengkaji dalam bab kedua sebelum ini, di mana pengkaji telah menyentuh tentang teori-teori penyediaan modul asas bahasa Arab secara umum. Bab keempat ini juga merupakan panduan dalam penyediaan “MABAUPUMS”.